

Muzium Kota Kayang

Cerminan Sejarah Budaya Negeri Perlis

Perlis merupakan negeri yang menyimpan seribu khazanah rahsia sejarah dan tarikan alam semula jadinya. Satu daripada lokasi utama bagi tarikan sejarah budaya warisan ini ialah Muzium Kota Kayang yang merupakan muzium di bawah tadbir urus Jabatan Muzium Malaysia dan satu daripada agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.



Bahagian hadapan Muzium Kota Kayang.



Perlis mempunyai keluasan 821 kilometer persegi dan diterajui oleh institusi Diraja. Perlis dibahagikan kepada tiga parlimen, iaitu Kangar, Padang Besar dan Arau dengan pecahan 15 Dewan Undangan Negeri dan mempunyai 22 mukim. Selain Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan, Perlis merupakan negeri yang mempunyai hanya satu daerah pentadbiran, iaitu Perlis.

Secara demografinya pula, Perlis terletak di utara Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan Wilayah Satun dan Songkhla, Thailand di sebelah utara, dan Kedah di sebelah selatan. Tidak hairanlah jika berlaku pertukaran atau asimilasi budaya dari negara jirannya yang sudah sebatian dengan kehidupan masyarakatnya. Aspek budaya ini meliputi pelbagai perkara, antaranya termasuklah seni, makanan, pemakaian dan penggunaan bahasa.

Bagi sejarahnya pula, Perlis menjadi sebuah negeri yang berdaulat pada 20 Mei 1843 apabila Kerajaan Siam melantik Syed Hussain Jamalullail sebagai Raja Perlis. Bermula dari tarikh tersebut, Perlis yang pada asalnya sebuah daerah jajahan Kedah bertukar menjadi sebuah negeri naungan yang berdaulat dengan sistem pentadbiran tersendiri.

NARATIF KOTA DI PERLIS

Menelusuri sejarah pemerintahan diraja pada suatu ketika dahulu, Perlis menjadi tempat bagi kawasan diam beberapa kota yang menjadi pusat pemerintahan, antaranya termasuklah Kota Keran, Kota Sena dan Kota Indera Kayangan. Kota Keran merupakan kota yang terletak di Mukim Seriab dan pernah menjadi pusat pungutan cukai yang dibawa melalui Kuala Perlis ke Ligor (Siam).

Kota Sena pula merupakan ibu kota negeri Kedah yang pertama dibina di jajahan Perlis dan diterajui oleh Sultan Muhyiddin Mansur Shah (tahun 1653 hingga 1661), iaitu Sultan Kedah yang ke-14. Kawasan kota ini merupakan tapak asas kepada bandar Kangar kini.

Kota Indera Kayangan atau Kota Al Marhum Kayang 1 merupakan kota istana yang terletak di tebing Sungai Perlis. Kota ini dikatakan tapak kota istana tempat bersemayam keluarga diraja Kedah-Perlis. Hal ini berdasarkan bukti tinggalan sejarah di kawasan sekitarnya, seperti Makam Sultan Dhiauddin Al-Mukarram Shah Ibnu Almarhum Sultan Muhyiddin Mansur Shah (tahun 1661-1687) dan dua buah makam lain yang terdiri daripada ahli keluarga Almarhum.

Menurut sejarah tempatan, kota ini berkeluasan hampir enam hingga lapan kilometer

persegi dengan bersempadankan Bukit Kayang, Bukit Menara, Bukit Nasi Sebungkus Kecil, Bukit Nasi Sebungkus Besar, Bukit Wai dan Bukit Jagat Hitam. Bukit ini dikatakan berfungsi sebagai benteng semula jadi yang menghalang musuh membolosi kota ini. Malahan, menurut penceritaan tempatan juga, di bukit ini dibina tembok kota yang daripada tanah dengan ketinggian 1.8 meter hingga 2.1 meter dan di atas tembok tersebut ditanam buluh, manakala di bahagian luar pula digali parit sedalam 1.5 hingga 1.8 meter dan lebar antara 2.1 meter hingga 2.4 meter.

Dikatakan bahawa dua buah pintu kota turut didirikan yang terletak di antara Bukit Menara dengan Bukit Jagat Hitam bagi membolehkan kawalan ketat dilaksanakan bagi orang yang keluar masuk ke kota. Bukit Menara juga diceritakan terdapat beberapa buah Meriam besar dipasang menghala ke Kuala Perlis bagi membedil musuh yang cuba menyerang kota tersebut. Tambahan pula, dari Bukit Menara, jelas kelihatan Laut Selat Melaka yang menjadi pilihan lokasi utama penempatan pondok kawalan.

Walaupun bukti penemuan tembok ini telah tiada, namun serba sedikit tinggalannya di kawasan sekitar kota masih tersisa antaranya makam dan perigi diraja di Kota Kayang. Tidak keterlaluan dikatakan bahawa kewujudan kota secara hasil gabungan alam semula jadi memperlihatkan betapa tingginya ilmu dan ikatan masyarakat Melayu silam yang bijak menyatukan alam dan situasi semasa. Kota ini pada masa yang sama menjadi tempat penyamaran dan perdagangan yang sesuai serta menjadi satu daripada bukti kearifan tempatan masyarakat Melayu suatu ketika dahulu.



Baju perisai ini merupakan koleksi peribadi Tuanku Syed Safi Jamalullail.



PEMBINAAN MUZIUM KOTA KAYANG

Bagi memahami peri pentingnya pembinaan sebuah muzium yang mampu menghimpunkan artifak bersejarah negeri Perlis bagi tatapan masyarakat, Muzium Kota Kayang telah ditubuhkan. Tapak ekskavasi arkeologi Kota Kayang dipilih untuk diabadikan sebagai tapak Muzium Kota Kayang dan pemilihan ini berdasarkan kedudukan tapak ini yang memiliki nilai sejarah yang tinggi sebagai kawasan petempatan dan perdagangan pada suatu ketika dahulu. Kajian arkeologi menyatakan bahawa di tapak muzium ini pernah mengalir sebatang sungai yang alirannya kini berubah ke utara, iaitu 100 meter dari bangunan muzium yang ada sekarang. Hal ini terbukti apabila pakar geologi menemui tanah lumpur hitam berpasir sedalam empat meter, selain penemuan pecahan seramik di sekitar kawasan muzium ini.

Bangunan Muzium Kota Kayang dibina dalam dua fasa, iaitu; fasa satu dibina pada Mei 1999 dan siap pada September 2000. Reka bentuk muzium ini bercirikan istana zaman silam sebagai usaha menggamit memori para pengunjung kembali ke zaman kegemilangan kerajaan Melayu yang pernah bertapak di sini suatu masa dahulu selain disisipkan juga seni bina Melayu beridentiti Perlis, iaitu Rumah Bumbung Panjang Perlis. Dinding bangunan dihiasi kelarai yang diperbuat



Makam Al-Marhum Kayang yang menggunakan kayu raja sebagai tanda terletak di belakang bangunan Muzium Kota Kayang.

daripada buluh yang biasa terdapat pada rumah tradisional Perlis dan cucur atap yang dikelilingi kerawang yang melambang kehalusan hasil seni Melayu.

Bangunan Muzium Kota Kayang fasa dua pula dibina pada Jun 2006 dan siap pada Oktober tahun yang sama. Ciri-ciri pembinaan masih berkonsepkan istana lama pada zaman silam dan dibahagikan kepada dua bahagian bangunan yang memiliki balairung di bahagian tengahnya untuk melaksanakan pelbagai aktiviti muzium. Manakala di hadapan bangunan ini ditempatkan meriam kecil untuk menyambut kedatangan tetamu ke satu daripada galeri ini. Pameran sementara yang terdiri daripada koleksi kenderaan diraja juga ditempatkan di sudut kiri hadapan bangunan ini.

Selain itu, kombinasi landskap yang berteraskan alam semula jadi dan binaan muzium yang indah pastinya memukau pandangan pengunjung yang dahagakan ketenangan. Setiap landskap di muzium ini amat dititikberatkan sepertimana yang dapat kita lihat di luar hadapan bangunan ini, deretan pohon buluh cina yang dijag rapi dan kolam kecil di hadapan muzium yang dihiasi pokok teratai indah mekar setiap kali musimnya. Malahan, di sekeliling bukit yang mengelilingi muzium ini, galak tumbuhannya pohon renek serta keladi yang berwarna-warni yang mampu menarik minat ramai pengunjung, terutamanya peminat keladi.

Selain tumbuhan renek yang menghiasi taman, pelawat disajikan juga dengan kehijauan pokok besar

Muzium Kota Kayang memiliki beberapa galeri yang dibahagikan mengikut kategori serta penceritaan koleksi yang dipamerkan. Setiap koleksi dipamerkan bersama maklumat serta kapsyen untuk penjelasan lanjut kepada pelawat yang mengunjungi Muzium Kota Kayang. Balai pameran ini terdiri daripada Balai Sejarah, Balai Arkeologi, Balai Senjata, Balai Kebudayaan, Balai Menteri Besar dan Balai Diraja.

seperti ara, goncar, temin, kesinai, bogok, kelumpang, tui, jelutong, batam, jejawi dan pelbagai jenis lagi yang jarang kita dengar atau lihat pada hari ini. Tumbuhan ini mampu menjadi sumber rujukan utama bagi penggemar flora dan generasi masa hadapan.

Muzium Kota Kayang memiliki beberapa galeri yang dibahagikan mengikut kategori serta penceritaan koleksi yang dipamerkan. Setiap koleksi dipamerkan bersama maklumat serta kapsyen untuk penjelasan lanjut kepada pelawat yang mengunjungi Muzium Kota Kayang. Balai pameran ini terdiri daripada Balai Sejarah, Balai Arkeologi, Balai Senjata, Balai Kebudayaan, Balai Menteri Besar dan Balai Diraja.

Balai Sejarah

Balai Sejarah memaparkan sejarah berkaitan dengan Perlis yang merangkumi rentetan sejarah pada zaman Siam, Jepun, British hingga zaman kemerdekaan. Selain itu, sejarah awal berkaitan dengan pendidikan dan perhubungan turut sama diselitkan di samping menempatkan artifak berkaitan sejarah awal Perlis. Antara koleksi yang menarik perhatian ramai termasuklah topi tentera British, kecapong, kitab al-Quran tulisan tangan dan pelbagai lagi artifak yang merentasi zaman.

Balai Arkeologi

Balai Arkeologi pula menampilkan keunikan dan kepentingan dari segi warisan dan sejarah Perlis sejak Zaman Hoabinhian hinggalah zaman Sultan Kedah ke-15 (Almarhum Kayang Pertama). Galeri arkeologi memaparkan fakta prasejarah dan bukti penemuan arkeologi sejak 3000 tahun dahulu. Galeri ini turut memaparkan asas evolusi kemasyarakatan dan budaya melalui tiga tahap masa, iaitu zaman prasejarah, protosejarah dan sejarah. Antara artifak yang ditampilkan termasuklah Kalam Semah, Batu Nesan Aceh dan pecahan seramik China yang ditemui sekitar tapak Muzium Kota Kayang.

Balai Senjata

Balai senjata mempamerkan pelbagai koleksi senjata merangkumi keris panjang, keris pendek, parang, pedang dan peralatan senjata yang pernah digunakan oleh masyarakat setempat. Balai ini juga menampilkan diorama pembuatan keris oleh empu keris yang sangat menarik perhatian.

Balai Kebudayaan

Balai kebudayaan memaparkan aspek berkaitan dengan kebudayaan yang terdapat di Perlis seperti muzik, pakaian, permainan dan aktiviti ekonomi. Bahan yang dipamerkan merupakan

tinggalan masyarakat terdahulu yang pernah mewarnai kehidupan setempat. Antara artifaknya termasuklah kincir air, renggam, tepak sirih dan pelbagai perlambangan budaya masyarakat.

Balai Menteri Besar


Galeri ini menyebarkan maklumat berkaitan dengan menteri besar Perlis yang pernah berkhidmat untuk Perlis dan pada masa yang sama memperlihatkan koleksi hadiah dan cenderamata yang diterima oleh para menteri besar ini. Balai ini juga membawa pelawat mengenali pemimpin yang mencorakkan Perlis hingga zaman kini.

Balai Diraja

Balai Diraja menelusuri turutan raja-raja yang pernah memerintah negeri Perlis. Koleksi peribadi baginda Tuanku dipamerkan untuk tatapan rakyat jelata di samping mendekati masyarakat dengan institusi diraja Perlis. Antara koleksi



Perigi Diraja Kota Kayang.



Artifak Batu Nisan Aceh.



Watikah pentauliahian sebagai raja pemerintah daripada Raja Chulalongkorn kepada Raja Perlis.



Pameran keseluruhan kawasan Kota Kayang.



Koleksi kereta diraja dipamerkan di kawasan perkarangan muzium.

atau artifak menarik yang wajar diberikan perhatian termasuklah watakah pelantikan, baju perisai, pedang istiadat serta tengkolok.

PERIGI DIRAJA KOTA KAYANG

Perigi Diraja di Kota Kayang, Kuala Perlis pernah digunakan sebagai sumber air bersih oleh Sultan Dhiauddin Al-Mukarram Syah Ibni Almarhum Sultan Muhyiddin Mansor Syah (tahun 1661-1687), iaitu Sultan Kedah yang ke-15. Kewujudan perigi ini mengukuhkan lagi bukti sejarah mengenai kewujudan Kota Kayang sebagai sebuah kota pemerintahan suatu ketika dahulu.

Perigi ini dikatakan banyak berjasa kepada penduduk negeri Perlis terutamanya di sekitar kawasan Kuala Perlis kerana menjadi sumber air utama pada musim kemarau. Airnya yang segar dan jernih adalah daripada punca mata air yang tidak pernah kering sejak awal kewujudannya. Perigi ini digunakan hingga sekitar tahun 1980-an dan Jabatan Muzium Malaysia mengambil inisiatif memelihara dan memulihara perigi demi kepentingan sejarah Perlis. Hasil naik taraf yang dilaksanakan, air perigi ini boleh digunakan sebagai minuman apabila dimasak dengan suhu yang ditetapkan.

Berbanding dengan dua tahun sebelum ini, Muzium Kota Kayang tidak pernah lekang dengan aktiviti

yang menarik. Program yang menjadi pengenalan Jabatan Muzium Malaysia seperti Nostalgia Anak Kampung, Bermalam di Muzium dan Bicara@Muzium menghiasi kalendar acara tahunan muzium. Semua program ini memberikan impak yang tinggi kepada masyarakat sekitar terutamanya negeri Perlis. Namun demikian, situasi COVID-19 semasa banyak mengubah situasi sedia ada. Muzium Kota Kayang terpaksa ditutup sementara bagi mematuhi arahan semasa dan dibuka semula dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Akan tetapi, situasi ini tidak mematahkan semangat muzium agar terus memastikan visi dan misi muzium diteruskan. Ilmu masih lagi disebarkan menerusi saluran tertentu selaras dengan ketetapan kerajaan menerusi platform dalam talian. Di sebalik kesamaran pandemik COVID-19 tersebut, Muzium Kota Kayang bagi tahun ini berjaya menganjurkan pelbagai topik program Bicara@Muzium yang menampilkan tokoh daripada bidang masing-masing, malah sambutan daripada penonton amat memberangsangkan.

Sehubungan dengan itu, dengan kelonggaran SOP, Muzium Kota

Kayang mengharapkan sinar berterusan bagi melaksanakan perancangan program bagi tahun 2022 agar tercapai. Pelbagai program secara dalam talian serta fizikal dirangka bagi tahun hadapan agar Muzium Kota Kayang kembali rancak serta mampu meningkatkan kembali statistik pelawat.

Sebagai kesimpulannya, Muzium Kota Kayang memiliki pakej yang lengkap bukan sahaja berkisar tentang budaya kebendaan semata-mata, tetapi tapak muzium yang bersejarah dan alam semula jadinya yang membawa satu kelainan berbanding dengan muzium lain. Sesungguhnya Muzium Kota Kayang menjadi pelengkap kepada aset pelancongan utama negeri Perlis.

Justeru itu, tidak lengkap lawatan ke negeri Perlis jika tidak mengunjungi Muzium Kota Kayang. Sebagai makluman, Muzium Kota Kayang dibuka sepanjang tahun dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang kecuali pada Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji dan hari Isnin minggu pertama. Sebarang maklumat lanjut berkaitan dengan Muzium Kota Kayang dapat dilihat menerusi Facebook Muzium Kota Kayang (Muzium Kota Kayang). **DB**